

Ghafar, Harun Rithauddeen Naib Presiden

KUALA LUMPUR. Jumaat — Encik Ghafar Baba berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai Naib Presiden UMNO dengan mendapat undi terbanyak berjumlah 869 apabila keputusan pemilihan jawatan itu diumumkan lewat petang ini.

Bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris yang sedang menjalani hukuman penjara, mendapat tempat kedua dengan undi berjumlah 757 dan Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen yang bertanding buat kali kedua, turut terpilih dengan undi 711.

Empat lagi calon yang bertanding tetapi gagal dalam merebut jawatan itu ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim (706 undi), bekas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman (293), Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie (228) dan Datuk Ismail Majid dari Perak mendapat 93 undi.

Pengerusi Tetap Perhimpunan UMNO, Senator Datuk Sulaiman Nizam Shah mengumumkan keputusan tersebut dengan diambut tepukan gemuruh oleh para perwakilan.



ENCIK GHAFAR BABA

Bellau sebelum itu mengumumkan keputusan jawatan Timbalan Presiden.

Encik Ghafar Baba, ahli politik veteran yang dicalonkan oleh 98 bahagian, telah menjadi Naib Presiden UMNO selama 19 tahun.

Dalam pemilihan tahun 1978, bellau mendapat undi kedua terbanyak berjumlah 706 untuk jawatan Naib Presiden UMNO di mana Tengku Razaleigh Hamzah muncul di tempat pertama.

Bellau, yang pernah menang beberapa jawatan Kabinet, tidak menyertai Kerajaan se-



DATUK HARUN IDRIS

jak Mac 1976 bila Datuk Hussein Onn mengambil alih Jawatan Perdana Menteri berikutan kematian Allahyarham Tun Abdul Razak.

Pada masa ini, Encik Ghafar ialah Setiausaha Agung Barisan Nasional, jawatan yang dipegangnya sejak 1974 hingga sekarang. Bellau juga Pengerusi Kompleks Kewangan dan memegang jawatan penting dalam beberapa firma swasta.

Datuk Haji Harun Idris, bekas Ketua Pemuda UMNO, dihukum penjara bersabit kesalahan kes rasuah.



TENGGU AHMAD RITHAUDEEN

Bellau ialah ahli Majlis Tertinggi yang lepas dan kali ini hanya bertanding untuk jawatan Naib Presiden, menolak pencalonan untuk jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan ahli Majlis Tertinggi.

Tengku Ahmad Rithauddeen bertanding untuk jawatan itu buat kali pertama tahun 1978, tetapi tewas. Bellau mendapat undi terbanyak untuk kerusi Majlis Tertinggi, 915 undi pada tahun tersebut.

Pengundian bagi jawatan Timbalan Presiden dan tiga Jawatan Naib Presiden UMNO berjalan dengan licin dan selesai pada jam 4.00 petang ini.

Pengundian juga selesai dijalankan bagi jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.

Perwakilan yang mula mengundi ialah dari Bahagian Grik, diikuti oleh Keluang.

Bahagian terakhir yang mengundi ialah Labis di susuli oleh anggota-anggota Majlis Tertinggi. Orang yang terakhir mengundi ialah Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan, Tan Sri Syed Nasir Ismail, yang juga Ahli Majlis Tertinggi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia